

Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 2B

Klip Video 8

Pakej MEKAR	2B
Unit 8	Cita-cita Saya
Tajuk Klip Video	Apa Menunya?
Fokus Interaksi Lisan	Perbincangan
Aspek Bahasa	Kata Hubung dan Ayat Majmuk Gabungan
Objektif	Murid dapat mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai makanan yang hendak dijual di restoran mereka.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> meneliti menu-menu restoran memberi respons kepada pertanyaan guru membuat perbandingan menu menonton klip video 'Apa Menunya?' murid memberi pandangan berdasarkan soalan-soalan guru menonton klip video sekali lagi murid secara berkumpulan berbincang mengenai tugasan yang diberikan guru menggunakan Kad Panduan Perbincangan semasa perbincangan melengkapkan tugasan bagi menyenaraikan makanan sihat atau tidak menyihatkan daripada senarai makanan yang disediakan murid melengkapkan borang penilaian. <p>Saranan Aktiviti Lanjutan</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> berbincang dan membina menu makanan sihat pada hujung minggu di rumah menulis tiga potong ayat untuk menjelaskan mengapa menu mereka itu sihat. 	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru boleh menyediakan menu beberapa buah restoran Guru mengemukakan salam mengenai menu yang sihat Guru mendapatkan murid membuat perbandingan 'Kad Panduan Perbincangan' (KPP) diletakkan di atas meja Murid boleh membuka KPP untuk membantu perbincangan mereka <p><u>Soalan Saranan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Video ini mengenai apa? Apakah itu makanan yang menyihatkan? Mengapakah susu lebih menyihatkan daripada santan? Mengapakah kita harus mengurangkan minuman yang bergula? Adakah mereka bekerjasama? <p>Bahan</p> <p>Kad Panduan Perbincangan Lampiran – Aktiviti Perbincangan Senarai Semak (Guru dan Murid)</p>

Contoh Aktiviti Perbincangan 'Menu Restoran Kami'

Pilih empat jenis makanan dan empat jenis minuman dari menu yang berikut. Mengapakah kamu memilih makanan dan minuman tersebut? Mengapakah kamu berpendapat demikian? Bincangkanlah dengan rakan kumpulan kamu.

MENU MAKANAN	MENU MINUMAN
<ul style="list-style-type: none">• nasi lemak• sup ayam• mi siam• mi rebus• ikan kukus• ikan goreng• burger• sup sayur• nasi goreng• ayam goreng• lontong• bubur ayam	<ul style="list-style-type: none">• air bergas• air bandung• ais kacang• air tebu• air suam• jus limau• jus epal• jus tembikai• cendol• teh susu• kopi susu• susu



Menu Restoran Kami

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Berdasarkan perbincangan kumpulan kamu, lukis gambar menu pilihan kamu dalam ruang di bawah ini. Kemudian, namakan restoran kumpulan kamu itu.

Restoran _____



Contoh Kad Panduan Perbincangan
'Menu Restoran Kami'

Saya memilih _____.

Mengapa awak memilih _____?

Saya memilih _____ kerana _____.

Mengapakah awak bersetuju?

Saya setuju kerana _____.

**Mengapakah awak tidak bersetuju
dengan pilihan _____ (nama rakan) ?**

Saya tidak bersetuju kerana

_____.

Saya pula berpendapat bahawa

_____.

**Saya menyokong/tidak menyokong
pendapat awak kerana**

_____.

**Awak bersetuju dengan
pendapat _____ ?**

Aktiviti Perbincangan 'Menu Restoran Kami'

Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Senarai Semak Interaksi Lisan – Perbincangan (Individu)

Tandakan (✓) dalam kurungan.

Semasa berbincang, murid dapat:

1. memilih menu makanan sihat. ()
2. menggunakan kosa kata yang sesuai. ()
3. menyatakan pilihan mereka. ()
4. mendengar pandangan rakan. ()
5. mengikut perbincangan kumpulan. ()
6. menyatakan sebab-sebab mereka tidak bersetuju. ()
7. menggunakan sebutan baku. ()

Maklum balas guru:

Nota:

Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu. Alat penilaian ini boleh disesuaikan mengikut keperluan pembelajaran murid.

Aktiviti Perbincangan 'Menu Restoran Kami'

Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan (✓) dalam ruang yang sesuai.

Semasa berbincang, saya dapat...		Ya	Tidak
1	menyatakan pendapat mengenai menu sihat.		
2	menggunakan kosa kata yang sesuai.		
3	menyatakan pilihan makanan sihat atau tidak menyihatkan.		
4	Mendengar dahulu pandangan rakan.		
5	menyatakan tidak setuju dengan sopan.		
6	bercakap mengikut giliran.		